**MAJLIS PERBANDARAN AMPANG JAYA**
**BAHAGIAN PERHUBUNGAN AWAM DAN SEKRETARIAT**
MENARA MPAJ, JALAN PANDAN UTAMA,
PANDAN INDAH, SELANGOR,
55100 KUALA LUMPUR

# KERATAN AKHBAR
## 24 Disember 2019 (Selasa)


| AKHBAR | MUKA SURAT |
|---|---|
| **News Straits Time** | |
| - Wil it be a dry Christmas? | 4 |
| - Banting Hospital ready for any water cut | 4 |
| - MB : Impose heavier penalties on perpetrators | 3 |
| - Manhole cover can be opned by anyone | 3 |
| **Berita Harian** | |
| - Selangor destinasi pelaburn utama Malaysia | 23 |
| - Lurang kumbahan mudah diceroboh | 5 |
| - 1.5 juta pengguna dapat air bersih mulai malam tadi | 5 |
| - Kerajaan Selangor mohon kendali IWK | 4 |
| - AWER gesa kerajaan lebih berani bertindak tegas | 4 |
| **Harian Metro** | |
| - Tiga hari pulih bekalan air bersih | 5 |
| - Pili awam talian hayat 24 jam | 5 |
| - LRA Sungai Semenyih sudah beroperasi | 5 |
| - Bacaan masih kadar bahaya | 5 |
| **The Sun** | |
| - Water supply to be restored very soon, says Selangor MB | 3 |
| **Sinar Harian** | |
| - Pulih dalam masa tiga hari lagi | 6 |
| - Selangor cadng ambil tindakan undang-undang | 6 |
| - Piawaian berbeza punca lewat dikesan | 6 |
| - 17,000 penjawat awam Selangor terima baki bonus hari ini | 30 |
| - Bekalan air Hospital Banting pulih | 30 |
| **The Star** | |
| - Rukun Tetangga leaders in USJ, Subang Jaya feel distressed | 2 |
| - Water slowly flowing in | 2 |
| - Reactivate off-river storage plan, suggest SPAN | 2 |

**MAJLIS PERBANDARAN AMPANG JAYA**
**BAHAGIAN PERHUBUNGAN AWAM DAN SEKRETARIAT**
MENARA MPAJ, JALAN PANDAN UTAMA,
PANDAN INDAH, SELANGOR,
55100 KUALA LUMPUR

| **KERATAN AKHBAR**<br>**24 Disember 2019 (Selasa)** | |
|---|---|
| Akhbar | News Straits Time |
| Tajuk Berita | Wil it be a dry Christmas? |
| Muka Surat | 4 |

NST 24/12/2019 m/s 4

# WILL IT BE A DRY CHRISTMAS?

Subang Jaya folk fear water disruption will mar their Xmas preparations

**KUALA LUMPUR**

THE sudden water disruption caused by the Sungai Semenyih water treatment plant shutdown since Saturday has left residents in several districts in the lurch over their Christmas preparations.

A resident of SS 16, Subang Jaya, who declined to be named, said her family's condominium was unaffected by the unscheduled water cut as it still had the condo's water tanks as a reserve.

However, the family is unsure as to how it should proceed with its Christmas preparations.

"With Christmas days away, we're anxious over whether the issue will be resolved.

"We're afraid that the supply will get shut off again. There are tonnes of preparations to be done, especially those related to food.

"We hope this doesn't prolong until Christmas," she said.

Rinny Jamal, a resident of USJ 9, Subang Jaya, faced a different set of problems.



*Residents filling their water containers following a water disruption in USJ 8 in Subang Jaya yesterday.* PIC BY MUSTAFFA KAMAL

The 23 year old, when met at one of Syabas' public water outlets in USJ 8, said she learnt of the disruption only when the taps ran dry at her house.

Rinny's problems were compounded by the fact that she is recovering from a leg fracture.

"I've had to rely on buying large bottles of mineral water for my use. And now, I carry mineral water bottles each time I want to shower or use the bathroom.

"It's difficult hobbling around carrying these large bottles up and down the stairs as they are heavy. Transporting the water bottles from my car to my house has been a major struggle for me for the past three days," she said.

**MAJLIS PERBANDARAN AMPANG JAYA**
**BAHAGIAN PERHUBUNGAN AWAM DAN SEKRETARIAT**
MENARA MPAJ, JALAN PANDAN UTAMA,
PANDAN INDAH, SELANGOR,
55100 KUALA LUMPUR

| **KERATAN AKHBAR<br>24 Disember 2019 (Selasa)** | |
|---|---|
| Akhbar | News Straits Time |
| Tajuk Berita | Banting Hospital ready for any water cut |
| Muka Surat | 4 |

NST 24/12/2019 M/S 4

# Banting Hospital ready for any water cut

**BANTING:** Banting Hospital has allayed fears that its operations could be affected by any water cut following the pollution in the Sungai Semenyih water treatment plant on Saturday.

Its director, Dr Fakhruddin Amran, said although the hospital was on alert, it was operating as usual.

"The hospital received support from the Sungai Labu water treatment plant in Salak Tinggi. We understand that the water supply for this district has since been shifted to the Labohan Dagang treatment plant.

"We have not faced any water cut. However, we are monitoring our water supply, especially at the hospital's main water tank," he said here yesterday.

He said the hospital had an emergency plan in place should it face a water cut.

The hospital's employees, he said, were checking the main water tank's water level every two hours, adding that the readings were at normal level.

"The hospital's main tank has a capacity of 20,000 gallons (75,708 litres), which can last us for three to four hours. In fact, each clinical building is equipped with its own tank.

"If a water cut occurs, we will rely on water supply from Air Selangor's mobile tanker units," he said.





*A man checking a water tank at Banting Hospital in Kuala Langat yesterday. (Inset) Dr Fakhruddin Amran.* PIX COURTESY OF BANTING HOSPITAL

Meanwhile, Air Selangor corporate communications head Abdul Halem Mat Som said the company would not resume the Sungai Semenyih water treatment plant's operations until the water was declared free from pollution.

"Although the (plant's pollution) readings have shown improvement, we will not resume its operations yet as we want to ensure that the water supplied to consumers is free from odour.

"Whenever the plant is affected by pollution, the contaminated water will not reach consumers as we would quickly shut off the mains and stop the plant's operations.

"This is to ensure that the water we supply to them is of the highest standards."

**MAJLIS PERBANDARAN AMPANG JAYA**
**BAHAGIAN PERHUBUNGAN AWAM DAN SEKRETARIAT**
MENARA MPAJ, JALAN PANDAN UTAMA,
PANDAN INDAH, SELANGOR,
55100 KUALA LUMPUR

| **KERATAN AKHBAR**<br>**24 Disember 2019 (Selasa)** | |
|---|---|
| Akhbar | News Straits Time |
| Tajuk Berita | MB : Impose heavier penalties on perpetrators |
| Muka Surat | 3 |

NST 24/12/2019 m/s 3

# MB: Impose heavier penalties on perpetrators

**DENGKIL:** Selangor Menteri Besar Datuk Seri Amirudin Shari has urged Putrajaya to take stronger measures against those found guilty of polluting the country's water supply.

He said punishments were inadequate to punish those responsible for such acts.

"We hope the energy, science, technology, environment and climate change minister will impose heavier penalties on culprits," he said after visiting the Tasik Idaman pond here yesterday.

Selangor Water Management Authority (LUAS) is pumping water from Tasik Idaman to Sungai Semenyih to stabilise and dilute the odour caused by the pollution.

On Saturday, the water treatment plant was forced to shut down due to odour pollution, caused by people illegally disposing of chemical waste at the inlet around the Indah Water Konsortium (IWK) plant.

An estimated 1.5 million people were affected by the disruption.

Amirudin said harsher punishments were needed as water disruptions due to pollution happened too frequently.

Under the Environmental Quality Act 1974, those found guilty of such offences can be fined a maximum of RM500,000 and be jailed for no more than five years.

He said the culprits behind the incident had yet to be identified.

In May, Energy, Science, Technology, Environment and Climate Change Minister Yeo Bee Yin said the government aimed to replace the Environmental Quality Act 1974 with a new act, which would see greater enforcement powers and stiffer punishments meted out to those who pollute the environment.

She said the new law would focus on boosting enforcement and legislative powers, given that current laws were insufficient to tackle environmental issues.

It was reported that the proposed amendment to the act is expected to be tabled in Parliament next year.



*Datuk Seri Amirudin Shari*

Amirudin said several measures had been taken to improve the situation.

"We have begun pumping water from Tasik Idaman to Sungai Semenyih. Hopefully, this will help with the dilution and subsequently reduce the odour pollution.

"We are pumping 12 million litres and another machine is on the way so that we can pump another 12 million litres," he said, adding that the process would take about 24 hours.

Taps may continue to run dry on Christmas day as Pengurusan Air Selangor Sdn Bhd yesterday said supply in affected areas in the Klang Valley would return in stages starting midnight and will be fully restored in three days.

Given that the disruptions were on a large scale, Air Selangor said the recovery period for customers would vary from one area to another depending on the geographical location and altitude of the customers' premises.

"The process of increasing the balance pool level and channelling it to the distribution system as well as the service pools at the affected areas are underway before water supply can be provided for the staged recovery process.

"Consumers in the vicinity of the distribution system will receive water supply beginning midnight tonight (yesterday).

"Air Selangor expects water supply to be fully restored in Petaling, Hulu Langat, Kuala Langat and Sepang and parts of Putrajaya within 72 hours," it said in a statement.

It said water tank trucks would continue to be mobilised to affected areas.

Affected residents are advised to get the information on the water disruption via Air Selangor's mobile phone application, website (www.airselangor.com.my), Facebook page (Air Selangor), or Twitter account (@airselangor).

Users facing an emergency can send a text message to 15300, or a WhatsApp message to 019-281 6793 or 019-280 0919.

**MAJLIS PERBANDARAN AMPANG JAYA**
**BAHAGIAN PERHUBUNGAN AWAM DAN SEKRETARIAT**
MENARA MPAJ, JALAN PANDAN UTAMA,
PANDAN INDAH, SELANGOR,
55100 KUALA LUMPUR

| **KERATAN AKHBAR**<br>**24 Disember 2019 (Selasa)** | |
|---|---|
| Akhbar | News Straits Time |
| Tajuk Berita | Manhole cover can be opned by anyone |
| Muka Surat | 3 |

# 'Manhole covers can be opened by anyone'

NST 24/12/2019 m/s 3

**KAJANG:** Checks showed that the manholes in Bandar Bukit Mahkota here, which were believed to have been used by unscrupulous parties to dispose of chemical waste, are accessible to the public.

*Berita Harian* reported that its checks in Jalan BM 7/10 here revealed two access roads that could be used to enter the area.

The access points were unguarded, as they formed part of a residential area.

However, many of the houses were under construction and appear to have been abandoned. The area is overrun with weeds and undergrowth.

Based on observations, the remoteness of the area means it would not be difficult for anyone to carry out dumping undetected and without drawing suspicion.

The area also served as a dumping ground for construction material, old furniture and domestic waste. Also seen was evidence of open burning.

A maintenance worker, who declined to be named, said the manhole covers could be opened by anyone.

"For us workers, we use a special tool to open the manhole to conduct work inside. However, anyone can do so if he uses a crowbar.

"I suppose this is how some people avoid properly and legally disposing of their chemical waste, which could run into thousands of ringgit," said the worker.

On Sunday, Indah Water Konsortium (IWK) said it would seal all manholes in the areas near its water treatment plant in Bandar Bukit Mahkota to prevent incidences of chemical dumping.

Selangor Environment, Green Technology and Consumer Affairs Committee chairman Hee Loy Sian was quoted as saying that IWK had agreed to permanently seal around 20 manholes in the area.

The Kajang Municipal Council and IWK have been instructed to conduct 24-hour patrols at entry and exit points in the area. Police have also been asked to patrol the areas to keep out trespassers.

Hee had said while the area around the treatment plant was largely abandoned, its sewage treatment infrastructure was complete.

He said in the future, closed-circuit television cameras would be installed to boost security.

**MAJLIS PERBANDARAN AMPANG JAYA**
**BAHAGIAN PERHUBUNGAN AWAM DAN SEKRETARIAT**
MENARA MPAJ, JALAN PANDAN UTAMA,
PANDAN INDAH, SELANGOR,
55100 KUALA LUMPUR

| **KERATAN AKHBAR**<br>**24 Disember 2019 (Selasa)** | |
|---|---|
| Akhbar | Berita Harian |
| Tajuk Berita | Selangor destinasi pelaburn utama Malaysia |
| Muka Surat | 23 |

BH 24/12/2019 m/s 23

# Selangor destinasi pelaburan utama Malaysia

## RM16.4 bilion pelaburan langsung dalam tempoh sembilan bulan

Oleh Nora Mahpar
noramahpar@bh.com.my

**Kerajaan** Negeri Selangor melalui Invest Selangor Bhd (Invest Selangor) aktif dalam mempromosikan negeri itu kepada pelabur domestik dan asing untuk meningkatkan peluang ekonomi bagi semua penduduk di Selangor.

Langkah itu terbukti berkesan apabila Selangor berjaya menghasilkan pelaburan langsung RM16.4 bilion dalam tempoh sembilan bulan pertama tahun ini.

Menteri Besar Selangor, Datuk Seri Amirudin Shari berkata, keputusan menggabungkan semua inisiatif ekonomi dalam pentadbirannya itu satu lagi prestasi pelaburan yang memecahkan rekod untuk negeri terbabit.

"Kerajaan negeri optimis untuk meningkatkan lagi jumlah berkenaan pada suku terakhir tahun ini berdasarkan misi dan kempen promosi serta pemasaran yang berterusan," katanya.

Pengumuman prestasi pelaburan Malaysia baru-baru ini, menyaksikan negara menjadi lebih selektif dalam aspek usaha promosi pelaburannya dengan fokus untuk menarik pelaburan berkualiti dan bernilai tinggi dalam industri sasaran yang dijangka mempunyai kesan ketara ke atas ekonomi tempatan.

Untuk tiga suku pertama 2019, Malaysia mencatatkan nilai pelaburan diluluskan RM149 bilion dalam sektor perkhidmatan, pembuatan dan sektor utama.

Keputusan luar biasa itu mewakili peningkatan 4.4 peratus melebihi RM142.6 bilion daripada nilai diluluskan bagi tempoh sama pada tahun lalu dengan 4,025 projek diluluskan dan ia dijangka menjana 93,841 peluang kerja pada masa depan.

Dari aspek pelaburan, 55.5 peratus atau RM82.7 bilion jumlah pelaburan keseluruhan daripada sumber domestik, manakala 44.5 peratus atau RM66.3 bilion datang daripada sumber asing.

Ketua Pegawai Eksekutif Invest Selangor, Datuk Hasan Azhari Idris, berkata, Selangor kekal destinasi pelaburan paling menarik di Malaysia apabila mencatatkan nilai pelaburan diluluskan RM16.4 bilion bagi tiga suku pertama 2019 berbanding RM8.3 bilion bagi tempoh masa sama bagi tahun lalu mewakili peningkatan hampir dua kali ganda berbanding tahun sebelumnya.

"Pencapaian luar biasa ini disebabkan persekitaran pelaburan dan tinjauan menggalakkan, di samping misi perdagangan yang berjaya dijalankan kerajaan negeri Selangor.

"Ini menunjukkan keyakinan masyarakat perniagaan antarabangsa dan tempatan terhadap Selangor," katanya.

Beliau berkata, pelabur menghargai ketelusan dan kecekapan kerajaan negeri serta usaha promosi yang dilaksanakan melalui agensi promosi pelaburannya iaitu Invest Selangor.

"Di samping itu, sokongan jabatan dan agensi kerajaan seperti pihak berkuasa tempatan, pejabat daerah dan agensi teknikal lain sangat dihargai pelabur asing dan domestik," katanya.










*Kerajaan negeri optimis untuk meningkatkan lagi jumlah berkenaan pada suku terakhir tahun ini berdasarkan misi dan kempen promosi serta pemasaran yang berterusan.*

*Amirudin Shari,*
*Menteri Besar Selangor*

**MAJLIS PERBANDARAN AMPANG JAYA**
**BAHAGIAN PERHUBUNGAN AWAM DAN SEKRETARIAT**
MENARA MPAJ, JALAN PANDAN UTAMA,
PANDAN INDAH, SELANGOR,
55100 KUALA LUMPUR

| **KERATAN AKHBAR<br>24 Disember 2019 (Selasa)** | |
|---|---|
| Akhbar | Berita Harian |
| Tajuk Berita | Lurang kumbahan mudah diceroboh |
| Muka Surat | 5 |

BH 24/12/2019 m/s 5

# Lurang kumbahan mudah diceroboh

**Bangi:** Lurang kumbahan Indah Water Konsortium Sdn Bhd (IWK) di Bukit Mahkota, yang disyaki digunakan pihak tidak bertanggungjawab membuang sisa secara haram terletak dalam kawasan yang mudah untuk dimasuki.

Tinjauan *BH* di sekitar Jalan BM 7/10 mendapati terdapat dua laluan tidak dikawal yang boleh digunakan untuk masuk ke kawasan itu kerana kawasan terbabit bukanlah kawasan larangan selain turut menempatkan beberapa rumah yang berpenghuni.

Kawasan yang dipercayai akan dibangunkan menjadi taman perumahan itu juga sudah dilengkapi sistem pembetungan lengkap namun tetapi kini terbiar dan dipenuhi semak samun dan lalang setinggi manusia.

Keadaan ini menjadikan kawasan itu sesuai untuk pihak yang tidak bertanggungjawab membuang sisa haram tanpa mengundang syak penduduk berhampiran.

Selain pembuangan sisa haram ke dalam lurang kumbahan, kawasan itu juga dijadikan tempat buangan pelbagai jenis sisa daripada projek pembinaan, perabot usang serta tin kosong dan sampah domestik.

Selain longgokan sampah, turut kelihatan kesan pembakaran sampah oleh mereka yang tidak bertanggungjawab.

Menurut seorang pekerja penyelenggaraan yang enggan dikenali, lurang kumbahan di kawasan itu juga mudah dibuka.

"Bagi pekerja, kami memiliki alat khas yang digunakan untuk membuka lurang kumbahan untuk kerja berkaitan. Bagaimanapun, ia boleh dibuka dengan mudah menggunakan alat lain seperti tukul besi yang biasa diperoleh," katanya ketika ditemui semalam.

> ***Kejadian sama berulang di kawasan terbabit dan kita sedang memikirkan tindakan sewajarnya yang boleh diambil terhadap IWK.***
>
> ***Amirudin Shari,***
> *Menteri Besar Selangor*

Sementara itu, Menteri Besar Selangor, Datuk Seri Amirudin Shari, berkata kerajaan negeri Selangor sudah mengarahkan lurang IWK di Bukit Mahkota ditutup secara kekal dan Majlis Perbandaran Kajang (MPKj) diarah mengehadkan akses ke situ.

Beliau berkata, langkah itu bagi memastikan kejadian pembuangan sisa kimia di lurang berkenaan oleh pihak tidak bertanggungjawab tidak berulang, sekali gus mengelak pencemaran bau dalam bekalan air mentah.

"Hasil mesyuarat kerajaan negeri pada November lalu, memutuskan mahu meningkatkan prosedur operasi standard (SOP) dan pemantauan di semua kawasan, selain berharap pencemaran ini tidak berulang.

"Bagaimanapun, kejadian sama berulang di kawasan terbabit dan kita sedang memikirkan tindakan sewajarnya yang boleh diambil terhadap IWK," katanya pada sidang media selepas melawat Kolam Tasik Idaman di sini, semalam.

Amirudin berkata, kerajaan negeri melakukan beberapa kaedah bagi memastikan kestabilan bekalan air, termasuk mengepam air dari kolam Tasik Idaman di Dengkil untuk dialirkan ke Sungai Semenyih bagi mencairkan pencemaran pelarut.

"Kita mengambil kira-kira 24 juta liter sehari air dari Kolam Tasik Idaman ke Sungai Semenyih untuk memastikan pencemaran dapat dicairkan hingga tahap 0 *Threshold Odor Number* (TON), selain mengelak ia daripada berulang.

"Kita cuba percepatkan proses dengan pam 24 juta liter sehari dan bawa ke Sungai Semenyih supaya air lebih banyak. Kita juga melepaskan 300 juta liter air di empangan untuk pastikan proses *flushing* berlaku dengan pantas," katanya.




***Lurang kumbahan terletak di kawasan sunyi*** *dan tidak dikawal di Bukit Mahkota, memudahkan pihak tidak bertanggungjawab membuang sisa haram tanpa mengundang syak penduduk berhampiran.*

**MAJLIS PERBANDARAN AMPANG JAYA**
**BAHAGIAN PERHUBUNGAN AWAM DAN SEKRETARIAT**
MENARA MPAJ, JALAN PANDAN UTAMA,
PANDAN INDAH, SELANGOR,
55100 KUALA LUMPUR

| **KERATAN AKHBAR**<br>**24 Disember 2019 (Selasa)** | |
|---|---|
| Akhbar | Berita Harian |
| Tajuk Berita | 1.5 juta pengguna dapat air bersih mulai malam tadi |
| Muka Surat | 5 |

BH 24/12/2019 m/s 5



*Orang ramai yang mengalami gangguan bekalan* beratur mengisi air bersih di pekarangan Masjid As-Salam Puchong Perdana, semalam. (Foto Aswadi Alias/BH)

Gangguan bekalan air berulang

# 1.5 juta pengguna dapat air bersih mulai malam tadi

## LRA Sungai Semenyih operasi semula selepas usaha pembersihan pencemaran

Oleh Wan Faizal Ismayatim
wfaizal@bh.com.my

**Putrajaya:** Bekalan air bersih kepada lebih 1.5 juta penduduk di Selangor terjejas susulan pencemaran sumber air mentah yang menyebabkan Loji Rawatan Air (LRA) Sungai Semenyih dihenti tugas sepenuhnya sejak Sabtu lalu, mula disalurkan malam tadi.

Pengerusi Suruhanjaya Perkhidmatan Air Negara (SPAN), Charles Santiago, berkata LRA Sungai Semenyih sudah beroperasi semula sejak jam 1 tengah hari semalam selepas usaha pembersihan pencemaran oleh Air Selangor Sdn Bhd (Air Selangor).

"Bekalan air akan mula disalurkan dan penduduk yang terjejas akan menerima semula bekalan air secara berperingkat," katanya pada sidang media di pejabat SPAN di sini, semalam.

Sebelum ini, SPAN memaklumkan pembuangan sisa secara haram ke dalam lurang (lubang periksa) kumbahan Indah Water Konsortium (IWK) oleh pihak tidak bertanggungjawab menjadi punca pencemaran bau pada sumber bekalan air ke LRA Sungai Semenyih.

Berikutan itu, LRA Sungai Semenyih terpaksa dihenti tugas, bagi mengelakkan air terawat yang disalurkan kepada pengguna, terjejas sekali gus menyebabkan gangguan kepada lebih 1.5 juta pengguna di sebahagian kawasan Hulu Langat, Sepang, Putrajaya, Petaling Jaya dan Kuala Langat.

Charles berkata, siasatan IWK dan Jabatan Alam Sekitar (JAS) mendapati kira-kira 50 meter padu sisa haram yang dibuang pihak tidak bertanggungjawab itu adalah minyak hitam, bahan lemak makanan dan sisa industri.

Sehubungan itu, katanya, SPAN meminta pihak berkuasa tempatan (PBT) di seluruh Selangor membuat pemantauan dan menguatkuasakan peraturan supaya semua restoran menggunakan perangkap gris atau minyak di premis masing-masing.

"Kita dapati dalam lurang ada sisa lemak, ia mesti datang dari restoran. Jadi kita minta PBT pantau, kalau restoran tak guna perangkap gris atau minyak, mereka mesti dikompaun atau dikehendaki menyediakan perangkap itu segera.

"Ini kerana kita tak mahu sisa itu terus masuk ke dalam longkang dan akhirnya mencemarkan sungai serta menjejaskan bekalan air bersih," katanya.

Charles berkata, SPAN juga meminta PBT dan JAS memantau industri haram serta memeriksa bengkel kereta, khususnya di kawasan berhampiran LRA supaya masalah pencemaran sama tidak berulang.

"Kita juga meminta IWK untuk bekerjasama dengan JAS, seterusnya menaik taraf kemudahan kawasan sekitar LRA agar pemantauan lebih ketat 24 jam dapat dilakukan di setiap lurang termasuk menempatkan kamera litar tertutup (CCTV).



*Charles Santiago*

"Selain itu, kita minta IWK buat perancangan komprehensif untuk seluruh Selangor bagi meningkatkan tahap keselamatan di kawasan berhampiran loji rawatan air supaya masalah ini tak berulang," katanya sambil menambah SPAN sudah membuat laporan polis berhubung insiden itu kelmarin.

Charles berkata, SPAN akan meminta Kerajaan Persekutuan mengkaji semula keputusan membekukan penggunaan kolam takungan air hiliran atau *Off River Storage* untuk mengatasi masalah bekalan air.

"Ini bagi membolehkan kita menggunakan sumber air dari kawasan lain untuk dihantar ke loji rawatan, seterusnya disalurkan ke kediaman pengguna, jika berlaku situasi sama," katanya.

Ditanya apakah undang-undang sedia ada tidak cukup tegas bagi melindungi sumber air negara, beliau berkata ada akta yang memperuntukkan hukuman mati mandatori kepada pesalah tetapi ia tidak dilaksanakan.

**MAJLIS PERBANDARAN AMPANG JAYA**
**BAHAGIAN PERHUBUNGAN AWAM DAN SEKRETARIAT**
MENARA MPAJ, JALAN PANDAN UTAMA,
PANDAN INDAH, SELANGOR,
55100 KUALA LUMPUR

| **KERATAN AKHBAR**<br>**24 Disember 2019 (Selasa)** | |
|---|---|
| Akhbar | Berita Harian |
| Tajuk Berita | Kerajaan Selangor mohon kendali IWK |
| Muka Surat | 4 |

BH 24/12/2019 m/s 4

# Kerajaan Selangor mohon kendali IWK

**Dengkil:** Kerajaan Selangor memohon Kerajaan Persekutuan supaya segera memberi kebenaran kepada Pengurusan Air Selangor Sdn Bhd (Air Selangor) untuk mengendalikan operasi Indah Water Konsortium (IWK) di negeri itu.

Menteri Besar, Datuk Seri Amirudin Shari, berkata langkah itu bagi memastikan prosedur operasi standard (SOP) untuk melepaskan air ke sungai ditetapkan IWK yang kini dikatakan masih pada tahap rendah, dapat diselaraskan dengan Air Selangor.

Menteri Besar, Datuk Seri Amirudin Shari, berkata rawatan air diguna pakai IWK ketika ini adalah secara automatik dan tidak menetapkan pelepasan air hanya boleh dibuat sekiranya ia berada pada tahap sifar *Threshold Odor Number* (TON).

Selain itu, katanya, Air Selangor berdepan kemungkinan menghadapi ganggu gugat kepada kualiti bekalan air, sekiranya gagal mengawal dua standard berbeza pelepasan air ke sungai.

"Oleh kerana ia (rawatan IWK) automatik, ia tidak dapat memaklumkan kepada kita untuk menghalang pelepasan air (yang tidak berada pada tahap sifar TON), selain kadar pelepasan air IWK adalah sekali dalam lima jam.

"Justeru, Air Selangor sedang memohon (kepada Kerajaan Persekutuan) untuk menguruskan sendiri IWK sebab kita sangat berkepentingan terhadap syarikat pembetungan air kumbahan nasional ini," katanya pada sidang media di sini, semalam.

Terdahulu, Amirudin yang juga Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Sungai Tua melawat Kolam Tasik Idaman di sini, susulan kejadian pencemaran bau di Loji Rawatan Air (LRA) Sungai Semenyih.

Amirudin juga mengakui pihaknya masih gagal mengenal pasti pihak yang membuang sisa kimia berjadual ke dalam lurang IWK di Bandar Mahkota, Bangi hingga mengakibatkan insiden pencemaran bau di LRA Sungai Semenyih.

Bagaimanapun, beliau menegaskan tindakan tegas perlu diambil sekiranya pihak yang membuang sisa kimia ke dalam lurang IWK itu berjaya dikenal pasti.

"Kita juga berharap Kementerian Tenaga, Sains, Teknologi, Alam Sekitar dan Perubahan Iklim dapat mempertingkatkan undang-undang sedia ada untuk memberi tekanan kepada pihak tidak bertanggungjawab," katanya.




***Amirudin bersama*** *EXCO Alam Sekitar, Teknologi Hijau, Sains, Teknologi dan Inovasi (STI) dan Hal Ehwal Pengguna Selangor, Hee Loy Sian meninjau kerja penyedutan air dari Kolam Tasik Idaman Sungai Buah, Dengkil, semalam.*

(Foto Ahmad Irham Mohd Noor/BH

**MAJLIS PERBANDARAN AMPANG JAYA**
**BAHAGIAN PERHUBUNGAN AWAM DAN SEKRETARIAT**
MENARA MPAJ, JALAN PANDAN UTAMA,
PANDAN INDAH, SELANGOR,
55100 KUALA LUMPUR

| **KERATAN AKHBAR<br>24 Disember 2019 (Selasa)** | |
|---|---|
| Akhbar | Berita Harian |
| Tajuk Berita | AWER gesa kerajaan lebih berani bertindak tegas |
| Muka Surat | 4 |

# AWER gesa kerajaan lebih berani bertindak tegas

## Elak kejadian pencemaran sumber, terputus bekalan air terus berulang

Oleh Mohd Iskandar Ibrahim
mohd_iskandar@bh.com.my

**Kuala Lumpur:** Pihak berkuasa perlu mengambil tindakan tegas terhadap pihak yang bertanggungjawab menyebabkan pencemaran air sehingga menjejaskan bekalan air dan mengancam keselamatan orang ramai.

Presiden Persatuan Penyelidikan Air dan Tenaga Malaysia (AWER), S Piarapakaran, berkata Akta Industri Perkhidmatan Air 2006 (Akta 655) umpamanya memperuntukkan hukuman berat terhadap pesalah, namun sehingga kini tiada tindakan tegas dikenakan terhadap pihak yang terbabit dalam pencemaran air.

"Kita memiliki banyak akta berkaitan air antaranya adalah Akta 655 yang mana jika ada pencemaran air sehingga menyebabkan kematian, hukumannya ialah hukuman mati terhadap pesalah.

"Kerajaan perlu berani ambil tindakan terhadap pihak yang sengaja melakukan pencemaran ke atas sistem bekalan air negara. Ini perkara serius.

"Semestinya kita tidak mahu kejadian seperti insiden di Sungai Kim Kim, Johor berulang," katanya ketika dihubungi *BH*, semalam.

Seksyen 121(2)(a) Akta Industri Perkhidmatan Air 2006 memperuntukkan jika seseorang didapati bersalah menyebabkan kematian akibat perbuatan mencemar sistem bekalan air, ia boleh dihukum mati.

Seksyen itu juga memperuntukkan hukuman penjara sehingga 20 tahun jika bukan hukuman mati, dan pesalah boleh dikenakan sebatan.

Seksyen 121(2)(b) pula memperuntukkan jika perbuatan melakukan pencemaran sistem bekalan air tidak mengakibatkan kematian tetapi bahan yang digunakan untuk pencemaran adalah radioaktif atau toksik, individu terbabit boleh dipenjara tidak melebihi 10 tahun atau denda tidak lebih RM500,000 atau sebatan atau ketiga-tiganya.



*S Piarapakaran*

Dalam insiden pencemaran terbaru Sabtu lalu, bekalan air di empat daerah di Selangor terjejas berikutan masalah pencemaran bau di Sungai Semenyih.

Lokasi yang terjejas ialah di sekitar Wilayah Petaling, Hulu Langat, Kuala Langat dan Sepang.

Insiden itu menyebabkan LRA Sungai Semenyih dan Bukit Tampoi terpaksa dihenti tugas sepenuhnya dan memberi kesan kepada 336,930 akaun atau kira-kira 1.5 juta pengguna.

**MAJLIS PERBANDARAN AMPANG JAYA**
**BAHAGIAN PERHUBUNGAN AWAM DAN SEKRETARIAT**
MENARA MPAJ, JALAN PANDAN UTAMA,
PANDAN INDAH, SELANGOR,
55100 KUALA LUMPUR

| **KERATAN AKHBAR**<br>**24 Disember 2019 (Selasa)** | |
|---|---|
| Akhbar | Harian Metro |
| Tajuk Berita | Tiga hari pulih bekalan air bersih |
| Muka Surat | 5 |

24/12/2019 Harian Metro m/s 5

# Tiga hari pulih bekalan air bersih

**Cyberjaya:** Bekalan air bersih dan selamat membabitkan 1.5 juta penduduk di Selangor berikutan penutupan Loji Rawatan Air (LRA) Sungai Semenyih akibat pencemaran bau, dijangka pulih sepenuhnya dalam tempoh tiga hari.

Pengerusi Suruhanjaya Perkhidmatan Air Negara (SPAN), Charles Anthony Santiago berkata, penduduk yang terjejas akan mula menerima air di kediaman masing-masing selewat-lewatnya malam ini (semalam) secara berperingkat.

"Maklumat daripada pihak Air Selangor Sdn Bhd (Air Selangor) mengatakan kerja 'flushing' sudah bermula 1 tengah hari tadi (semalam).

"Kita tidak boleh melepaskan air itu secara terus kerana ia akan menyebabkan paip pecah," katanya pada sidang media di sini, semalam.

Pada masa sama, beliau berkata, pihaknya memberi jaminan bekalan air yang diterima penduduk adalah bersih dan selamat serta memenuhi piawaian Kementerian Kesihatan.

"Air bersih dan selamat ini penting kerana banyak orang telefon saya, mereka kata tidak mengapa air kotor kerana mereka mahu menggunakannya di tandas.

"Sebagai pihak bertanggungjawab kita mahu memastikan air yang masuk ke rumah serta air dari loji rawatan adalah bersih dan selamat serta disahkan oleh Kementerian Kesihatan kerana kita tidak berkompromi mengenai isu ini," katanya.



PENDUDUK Taman Universiti Indah, Seri Kembangan membawa tong dan bekas plastik untuk mengisi air melalui lori tangki, semalam.

**MAJLIS PERBANDARAN AMPANG JAYA**
**BAHAGIAN PERHUBUNGAN AWAM DAN SEKRETARIAT**
MENARA MPAJ, JALAN PANDAN UTAMA,
PANDAN INDAH, SELANGOR,
55100 KUALA LUMPUR

| KERATAN AKHBAR<br>24 Disember 2019 (Selasa) | |
|---|---|
| Akhbar | Harian Metro |
| Tajuk Berita | Pili awam talian hayat 24 jam |
| Muka Surat | 5 |

HM 24/12/2019 m/s 5

# Pili awam talian hayat 24 jam

**Bandar Baru Bangi:** "Saya dan anak perlu menaiki kereta bagi mendapatkan bekalan air di pili awam sejak jam 7 pagi kerana tidak boleh mengharapkan lori bantuan datang membawa bekalan," kata Abdullah Yaacob, 64.

Dia yang menetap di Seksyen 4 di sini, terpaksa mendapatkan bekalan air di pili awam berhampiran Pangsapuri Jubli Perak di sini, sejak pagi kelmarin.

Menurutnya, ketiadaan air sememangnya memberi kesan kerana terpaksa mengangkat air untuk disimpan di rumah.

"Saya harap masalah ini diselesaikan segera kerana ketiadaan air menyusahkan banyak pihak terutama mereka yang berusia dan mempunyai ahli keluarga ramai.

"Pihak berkuasa diharap dapat mengesan pesalah dan membawa mereka bertanggungjawab dibawa ke muka pengadilan," katanya ketika ditemui, semalam.

Pili awam di Seksyen 4 di sini, menjadi tumpuan penduduk sekitar bagi mendapatkan bekalan air sejak berlakunya insiden pencemaran bau dikesan, Sabtu lalu.



*Saya dan anak perlu menaiki kereta bagi mendapatkan bekalan air di pili awam sejak jam 7 pagi kerana tidak boleh mengharapkan lori bantuan datang membawa bekalan"*

**Abdullah Yaacob**

Dengan adanya pili awam yang beroperasi 24 jam ini, penduduk tidak perlu menunggu lori bantuan Air Selangor Sdn Bhd untuk mendapatkan bekalan air.

Bagi pekerja swasta, Nor Muhamad Syarik Sarif, 32, masalah ketiadaan air ini antara igauan ngeri penduduk, khususnya mereka yang menetap di pangsapuri.

"Saya menetap di tingkat tiga dan terpaksa berulang kali turun naik bagi mendapatkan bekalan air dari pili awam.

"Mujur pili awam berdekatan dengan rumah membolehkan saya mengambil air untuk disimpan pada bila-bila masa," katanya.

Tambahnya, masalah ini sudah berlaku beberapa kali tahun ini dan berharap bekalan air dapat pulih secepat mungkin kerana aktiviti harian seperti memasak dan membasuh tergendala.

Pencemaran bau di Sungai Semenyih menjadi punca bekalan air tidak dapat disalurkan kepada 1.5 juta pengguna di Hulu Langat, Petaling, Sepang dan Kuala Langat sejak Sabtu lalu.

Sehingga kini, pihak berwajib sedang giat melakukan pembersihan sisa kimia berjadual yang dikesan dibuang pihak tidak bertanggungjawab di lurang kumbahan di Bandar Bukit Mahkota, Bangi.

**MAJLIS PERBANDARAN AMPANG JAYA**
**BAHAGIAN PERHUBUNGAN AWAM DAN SEKRETARIAT**
MENARA MPAJ, JALAN PANDAN UTAMA,
PANDAN INDAH, SELANGOR,
55100 KUALA LUMPUR

| **KERATAN AKHBAR**<br>**24 Disember 2019 (Selasa)** | |
|---|---|
| Akhbar | Harian Metro |
| Tajuk Berita | LRA Sungai Semenyih sudah beroperasi |
| Muka Surat | 5 |

HM 24/12/2019 m/s 5

# LRA Sungai Semenyih sudah beroperasi

**Kuala Lumpur:** Loji Rawatan Air (LRA) Sungai Semenyih sudah beroperasi semula jam 1 tengah hari, semalam.

Perkembangan terkini itu disahkan Air Selangor Sdn Bhd (Air Selangor) dalam kenyataan media, semalam.

Bagaimanapun, katanya, LRA Bukit Tampoi masih belum beroperasi.

Katanya, proses rawatan dan pengeluaran air terawat akan mengambil sedikit masa sebelum bekalan stabil untuk disalurkan kepada pengguna.

"Pihak Air Selangor akan memaklumkan perkembangan terkini berkaitan penyaluran air terawat kepada pengguna dari semasa ke semasa.

"Untuk memastikan tahap pencemaran bau tidak meningkat semula di air mentah Sungai Semenyih, Lembaga Urus Air Selangor (Luas) sedang mengambil langkah proaktif dengan mengepam air dari Tasik Idaman ke Sungai Semenyih bagi tujuan penstabilan dan pencairan pencemaran bau ini," katanya.

**MAJLIS PERBANDARAN AMPANG JAYA**
**BAHAGIAN PERHUBUNGAN AWAM DAN SEKRETARIAT**
MENARA MPAJ, JALAN PANDAN UTAMA,
PANDAN INDAH, SELANGOR,
55100 KUALA LUMPUR

| **KERATAN AKHBAR<br>24 Disember 2019 (Selasa)** | |
|---|---|
| Akhbar | Harian Metro |
| Tajuk Berita | Bacaan masih kadar bahaya |
| Muka Surat | 4 |

Hm 24/12/2019 mk 4



AIR dari Kolam Tasik Idaman dilepaskan bagi mengurangkan kadar pencemaran.

SUNGAI SEMENYIH TERCEMAR

# Bacaan masih kadar bahaya

*Langkah cairkan air tercemar dilaksanakan Luas*

**Oleh Norzamira Che Noh dan Ekhwan Haque Fazlul Haque**
am@hmetro.com.my

**Shah Alam**

Kerajaan negeri mengambil langkah segera bagi menyelesaikan isu pencemaran Sungai Semenyih berikutan kadar pencemaran masih berada pada kadar membahayakan.

Menteri Besar Datuk Seri Amirudin Shari berkata, pihaknya sudah mengadakan perbincangan dan mendengar taklimat dari Air Selangor dan Lembaga Urus Air Selangor (Luas) dalam mesyuarat tergempar, pagi semalam.

"Berikutan kadar pencemaran yang masih belum mencecah sifar ton pagi ini (semalam), saya mengambil langkah segera untuk menyelesaikan isu ini.

"Antaranya Luas sudah mengambil langkah untuk mencairkan pencemaran dengan menyedut air dari Kolam Tasik Idaman menggunakan pam air.

"Selain itu, air dari Empangan Semenyih juga sudah dilepaskan ke Sungai Semenyih bertujuan untuk mencairkan pencemaran," katanya menerusi kenyataan media, semalam.

Beliau berkata, Air Selangor juga menggerakkan 70 lori tangki air, 16 lori tangki jumbo, 31 tangki statik serta 10 pili air awam ke seluruh kawasan yang terjejas.

Katanya, keutamaan bekalan air adalah di hospital dan lori tangki jumbo turut digerakkan ke Hospital Kajang serta Hospital Serdang.

"Seterusnya kita akan menggunakan Kolam Terminal Bangi dari Loji Rawatan Air Langat 2. Bekalan air dari Langat 2 akan memenuhi Kolam Terminal ini untuk kegunaan pengguna terutama di kawasan Hulu Langat.

"Seramai 55,564 pengguna dari 104 kawasan akan menerima bekalan air dari skim ini," katanya.



**MAJLIS PERBANDARAN AMPANG JAYA**
**BAHAGIAN PERHUBUNGAN AWAM DAN SEKRETARIAT**
MENARA MPAJ, JALAN PANDAN UTAMA,
PANDAN INDAH, SELANGOR,
55100 KUALA LUMPUR

| **KERATAN AKHBAR**<br>**24 Disember 2019 (Selasa)** | |
|---|---|
| Akhbar | The Sun |
| Tajuk Berita | Water supply to be restored very soon, says Selangor MB |
| Muka Surat | 3 |

TheSun 24/12/2019 m/s 3

# Water supply to be restored very soon, says Selangor MB

**DENGKIL:** Klang Valley residents affected by the Sungai Semenyih water treatment plant shutdown would have received water supply from midnight yesterday.

Selangor Mentri Besar Datuk Seri Amirudin Shari said 24 million litres of water was channelled from Tasik Idaman in Dengkil to the plant to dilute the water and bring down the threshold odour number (TON) reading to zero.

"I hope consumers whose supply has been restored do not resort to 'panic storing' of water as this will only disrupt the water level in the dam and spoil efforts to reduce the risk of odour contamination," he said after visiting Tasik Idaman yesterday.

The Sungai Semenyih plant was forced to shut down since Saturday due to odour pollution, believed to have been caused by irresponsible individuals disposing illegal waste with solvent odours at the inlet around the Indah Water Konsortium (IWK) plant in Bandar Bukit Mahkota.

Following the plant closure, 366 areas with 328,957 consumer accounts in Petaling, Hulu Langat, Kuala Langat and Sepang were affected.

IWK commenced cleaning efforts at 4pm on Sunday.

"The state government has asked the Kajang Municipal Council to limit access to the area, as irresponsible parties have dumped illegal waste there twice – first in September," Amirudin said.

"This is a deliberate act as the volume is high and it happened at the same location twice."

Amirudin hopes to attain a solution as the water problem has affected the credibility of Pengurusan Air Selangor Sdn Bhd and the state government. – Bernama



Puchong Perdana residents collect water from a Pengurusan Air Selangor pipe outside Masjid As Salam. – *ASYRAF RASID/THESUN*

**MAJLIS PERBANDARAN AMPANG JAYA**
**BAHAGIAN PERHUBUNGAN AWAM DAN SEKRETARIAT**
MENARA MPAJ, JALAN PANDAN UTAMA,
PANDAN INDAH, SELANGOR,
55100 KUALA LUMPUR

| **KERATAN AKHBAR<br>24 Disember 2019 (Selasa)** | |
|---|---|
| Akhbar | Sinar Harian |
| Tajuk Berita | Pulih dalam masa tiga hari lagi |
| Muka Surat | 6 |

SH. 24/12/2019 m/s 6

# Pulih dalam masa tiga hari lagi

*LRA Sungai Semenyih dalam proses tingkatkan paras kolam imbangan*

**NUR FARHANA ABDUL MANAN dan NURUL HUDA HUSAIN**

**SHAH ALAM**

Gangguan bekalan air yang berlaku di wilayah Petaling, Hulu Langat, Kuala Langat dan Sepang serta sebahagian kawasan Putrajaya dijangka pulih sepenuhnya dalam masa tiga hari lagi.

Ketua Jabatan Komunikasi Korporat Pengurusan Air Selangor Sdn Bhd (Air Selangor), Abdul Halem Mat Som berkata, ketika ini, pihak Loji Rawatan Air (LRA) Sungai Semenyih dalam proses meningkatkan paras kolam imbangan dan penyaluran ke sistem agihan dan kolam perkhidmatan di kawasan terjejas.

Selepas itu, katanya, barulah bekalan akan disalurkan ke premis pengguna yang terlibat.

"Oleh kerana gangguan bekalan air tidak berjadual ini berskala besar, maka tempoh pemulihan bekalan air kepada pelanggan berbeza dari satu kawasan ke kawasan lain bergantung kepada lokasi geografi dan altitud premis pelanggan.

"Pengguna yang berada di kawasan berdekatan dengan sistem agihan akan menerima bekalan air mulai tengah malam ini (malam tadi) secara berperingkat.

FOTO: IHSAN IWK



Pihak IWK membersihkan loji kumbahan di Bandar Bukit Mahkota, Bangi yang terjejas teruk akibat pencemaran sisa haram semalam. Gambar kecil: Sisa buangan yang dikesan.

"Air Selangor menjangkakan bekalan air akan kembali pulih sepenuhnya di wilayah terlibat dalam tempoh anggaran 72 jam," katanya menerusi satu kenyataan di sini semalam.



ABDUL HALEM

Abdul Halem berkata, LRA Bukit Tampoi bagaimanapun masih belum beroperasi semula kerana paras pencemaran bau masih dikesan di muka sauk.

Sementara itu, pada sidang media di Putrajaya semalam, Suruhanjaya Perkhidmatan Air Negara (SPAN) mengesahkan bekalan air kepada penduduk terlibat mula disalurkan secara berperingkat malam tadi.

Pengerusi SPAN, Charles Santiago berkata, ketika ini kerja-kerja pengepaman air telah dilakukan Air Selangor bermula jam 1 tengah hari semalam.

"Kita dapati masalah pencemaran itu berpunca daripada pembuangan sisa haram yang sangat banyak seperti minyak hitam, lemak makanan dan juga sisa industri," katanya.

Beliau berkata, pihaknya sudah membuat laporan polis bagi membolehkan kes pencemaran itu disiasat daripada pelbagai sudut termasuk kemungkinan ada unsur sabotaj.

**MAJLIS PERBANDARAN AMPANG JAYA**
**BAHAGIAN PERHUBUNGAN AWAM DAN SEKRETARIAT**
MENARA MPAJ, JALAN PANDAN UTAMA,
PANDAN INDAH, SELANGOR,
55100 KUALA LUMPUR

| **KERATAN AKHBAR**<br>**24 Disember 2019 (Selasa)** | |
|---|---|
| Akhbar | Sinar Harian |
| Tajuk Berita | Selangor cadng ambil tindakan undang-undang |
| Muka Surat | 6 |

# Selangor cadang ambil tindakan undang-undang

**IAH ALAM** - Kerajaan Selangor bercadang engambil tindakan undang-undang kepada hak yang menjadi punca pencemaran bau oji Rawatan Air (LRA) Sungai Semenyih LRA Bukit Tampoi.

Pejabat Menteri Besar Selangor meneru- ıtu kenyataan semalam memaklumkan, keputusan itu diambil dalam mesyuarat tergempar dipengerusikan Menteri Besar Selangor, Datuk Seri Amirudin Shari di sini pagi semalam.

Menurut kenyataan itu, langkah segera akan diambil bagi menangani isu gangguan bekalan air di beberapa daerah di Selangor.

**MAJLIS PERBANDARAN AMPANG JAYA**
**BAHAGIAN PERHUBUNGAN AWAM DAN SEKRETARIAT**
MENARA MPAJ, JALAN PANDAN UTAMA,
PANDAN INDAH, SELANGOR,
55100 KUALA LUMPUR

| **KERATAN AKHBAR<br>24 Disember 2019 (Selasa)** | |
|---|---|
| Akhbar | Sinar Harian |
| Tajuk Berita | Piawaian berbeza punca lewat dikesan |
| Muka Surat | 6 |

SH 24/12/2019 m/s 6

# Piawaian berbeza punca lewat dikesan



Amirudin (empat dari kanan) meninjau kerja pengepaman air di Tasik Idaman Dengkil ke Sungai Semenyih semalam.

**DENGKIL** - Piawaian kualiti bekalan air yang berbeza antara Pengurusan Air Selangor Sdn Bhd (Air Selangor) dan Indah Water Konsortium (IWK) menjadi punca pencemaran bau sukar dikesan awal.

Menteri Besar Selangor, Datuk Seri Amirudin Shari berkata, Air Selangor bercadang menguruskan sendiri tugas IWK dalam usaha penyelarasan prosedur operasi standard (SOP) antara dua agensi.

"IWK tidak meletakkan kriteria bau bagi sisa kumbahan yang dilepaskan, sementara Air Selangor pula perlukan paras sifar ton sebelum bekalan air diagihkan kepada pengguna.

"Kerana itu, Air Selangor sedang merayu untuk menguruskan sendiri tugas IWK kerana saling berkepentingan. Kalau tidak, susah untuk mengawal pencemaran sebab ia mempunyai dua piawaian berbeza," katanya selepas meninjau kerja pengepaman air Kolam Tasik Idaman, Sungai Buah ke Sungai Semenyih untuk pembersihan bahan tercemar dan penstabilan bekalan air di sini semalam.

Amirudin menjelaskan, penyelarasan antara dua agensi itu adalah satu keperluan mendesak memandangkan henti tugas Loji Rawatan Air (LRA) berlaku sebanyak tiga kali disebabkan isu pencemaran bau dari saluran IWK.

"Kejadian pencemaran bau dari saluran IWK bukan kali pertama berlaku. Sebelum ini pernah berlaku di Batang Kali dan dua insiden di Bandar Bukit Mahkota," katanya.

**MAJLIS PERBANDARAN AMPANG JAYA**
**BAHAGIAN PERHUBUNGAN AWAM DAN SEKRETARIAT**
MENARA MPAJ, JALAN PANDAN UTAMA,
PANDAN INDAH, SELANGOR,
55100 KUALA LUMPUR

| **KERATAN AKHBAR**<br>**24 Disember 2019 (Selasa)** | |
|---|---|
| Akhbar | The Star |
| Tajuk Berita | Rukun Tetangga leaders in USJ, Subang Jaya feel distressed |
| Muka Surat | 2 |

TS 24/12/2019
m/s 2

# Rukun Tetangga leaders in USJ, Subang Jaya feel distressed

**PETALING JAYA:** It has been a traumatic period for Rukun Tetangga leaders in USJ, Subang Jaya, since the water cut affected the huge residential area from Saturday.

They have had to appease the frustration of residents who had to put up with yet another water disruption due to contamination.

It was just three months ago that a similar water cut happened.

USJ 13 Rukun Tetangga chairman Chew Weng Keong said he received many calls from the residents.

He said the sudden disruption caused inconvenience to many, especially those who had made plans for the Winter Solstice celebration on Sunday.

Many of them were also worried about their Christmas celebration tomorrow.

"They are wondering how they will be celebrating Christmas (if the water supply is not back)," he said when contacted.

Chew said USJ 13 had three different zones – Zone 1, 3 and 5 with 1,037 houses and more than 5,000 residents.

"On Saturday, the first batch of water came around 9pm and we distributed that in Zone 1. On Sunday, another tanker came but only four housing lanes were covered. Zone 5 has not been covered yet," he said.

USJ 20/1 to 20/3 Residents Association chairman Hoh Choo Kim said it was most inconvenient to endure such a long period of water cut in this day and age.

"This is not the first time that the alleged contamination occurred at the plant. What did the authorities learn from the first incident?

"Cutting of water supply to 1.5 million consumers is very serious. We are living in a so-called progressive state but the frequent water cuts are making us a laughing stock!" he said.

Hoh said it was not good enough to just send water tankers to make up to affected consumers.

MPSJ Zone 3 representative Lee Jen Uyin said it was distressing to see residents "chasing after tankers and begging for water".

"This is for real. It's happening right here in the city, each time there is a water disruption. Imagine the frustration and stress that the residents in Subang Jaya are enduring," she said.

Criticising the state for the way the water problem was being handled, Lee said there could not be a recurrence.

"Minor or major, scheduled or unscheduled, the effect is the same. There is no water from the tap! Many agencies are giving reasons and explanations. What we want is a solution, not excuses," she said.

**MAJLIS PERBANDARAN AMPANG JAYA**
**BAHAGIAN PERHUBUNGAN AWAM DAN SEKRETARIAT**
MENARA MPAJ, JALAN PANDAN UTAMA,
PANDAN INDAH, SELANGOR,
55100 KUALA LUMPUR

| **KERATAN AKHBAR**<br>**24 Disember 2019 (Selasa)** | |
|---|---|
| Akhbar | The Star |
| Tajuk Berita | Water slowly flowing in |
| Muka Surat | 2 |

# Water slowly flowing in

TS 24/12/2019 m/s 2

## Semenyih treatment plant resumes operation

By HEMANANTHANI SIVANANDAM
hemananthani@thestar.com.my

**PETALING JAYA:** The Sungai Semenyih water treatment plant is back in operation following a disruption due to odour pollution of its raw water supply.

Air Selangor Sdn Bhd (Air Selangor) said the water treatment plant resumed operations at 1pm yesterday.

Its corporate communications head Abdul Halem Mat Som said the Bukit Tampoi water treatment plant remains inoperable.

He said there will be some delay in treating, producing and supplying treated water to consumers.

Air Selangor will update consumers on the latest developments from time to time, he said.

"As further measures to ensure the odour pollution does not increase in the Sungai Semenyih water treatment plant, Lembaga Urus Air Selangor (LUAS) is also taking proactive measures by pumping water from Tasik Idaman to Sungai Semenyih in order to stablise and reduce the odour pollution.

"Air Selangor hopes that such pollution will not recur," said Abdul Halem in a statement yesterday.

Air Selangor, he said, is also adjusting the levels of the balancing reservoir and the flow into the distribution system of the areas affected in order to supply water to consumers.

"As this is an unscheduled cut on a larger scale, the recovery period for the water supply to consumers will vary from one area to another, depending on the geographic locations and altitude of the consumers' premises.

"Air Selangor expects the water supply to completely resume in the Petaling, Hulu Langat, Kuala Langat and Sepang districts and some parts of Putrajaya in the next 72 hours," said Abdul Halem.

Air Selangor will also continuously supply water using tankers frequently in order to help consumers cope with the unscheduled water cuts.

Abdul Halem said 11 operation centres in four districts will provide consumers with updates on the water distribution schedules by the tankers.

"Consumers are also urged to use public pipes made available in 18 different locations to get their water supply.

"Apart from that, Air Selangor is also distributing five-litre drinking water to consumers, especially those in non-landed residential areas.

"Up to noon yesterday, some 6,930 bottles of drinking water have been distributed," he added.

Abdul Halem also urged consumers to be patient, adding that Air Selangor is taking proactive measures to resolve the matter as soon as possible.

Consumers will also be provided with up-to-date information via the Air Selangor mobile application, Facebook and its website *www.airselangor.com.*

Operations at both the water treatment plants were halted at 7.15am on Saturday after pollution was detected in Sungai Semenyih.

Earlier in the day, Selangor Mentri Besar Datuk Seri Amirudin Shari had chaired an emergency meeting together with the state's environment, green technology, science and consumer affairs committee chairman Hee Loy Sian, Air Selangor's management as well as LUAS.

The Mentri Besar office, in a statement, said the state government plans to take legal action against the culprits responsible for the pollution.

The closure has affected some 336,930 account holders in 366 locations in Petaling, Hulu Langat, Kuala Langat and Sepang.

**MAJLIS PERBANDARAN AMPANG JAYA**
**BAHAGIAN PERHUBUNGAN AWAM DAN SEKRETARIAT**
MENARA MPAJ, JALAN PANDAN UTAMA,
PANDAN INDAH, SELANGOR,
55100 KUALA LUMPUR

| KERATAN AKHBAR<br>24 Disember 2019 (Selasa) | |
|---|---|
| Akhbar | The Star |
| Tajuk Berita | Reactivate off-river storage plan, suggest SPAN |
| Muka Surat | 2 |

# Reactivate off-river storage plan, suggests SPAN

TS 24/12/2019 mps 2

By MAZWIN NIK ANIS
mazwin@thestar.com.my

**CYBERJAYA:** The Federal Government will be asked to consider reactivating the off-river storage plan so that the public will not have to suffer from dry taps should there be incidents affecting water supply, says the National Water Services Commission (SPAN).

The water regulatory body's chairman Charles Santiago said: "If the plan is implemented, the stored water could be channelled to treatment plants and be supplied to consumers when there are issues with the main source."

> We need to push hard for this so that we don't have to be held hostage to situations like this incident.
>
> **Charles Santiago**



**Every drop helps:** A child carrying a container to be filled with water while queuing up with his parents at a water filling station in Jalan USJ 4/5 in Subang Jaya earlier yesterday.

"We need to push hard for this so that we don't have to be held hostage to situations like this incident," he told a press conference yesterday, referring to the closure of the Sungai Semenyih water treatment plant.

Santiago said a trial project on off-river storage was done in Selangor sometime back, but it was found to be a costly affair.

"It is costly, but it is time that we look into this possibility because of the inconvenience if taps are dry," he said.

On whether water sources should be declared as national security, Santiago said there were some discussions on the matter but he declined to elaborate.

He also said that while those who commit extreme and severe pollution face the death penalty under Act 127, the law however did not spell out compensation.

"Perhaps those who are affected by water disruption such as this incident can look into taking up the case," he said in response to a question on whether those affected by water disruption should be compensated.

The dumping of scheduled waste into manholes in the lowly populated Bandar Bukit Mahkota area had forced the closure of the Sungai Semenyih water treatment plant twice in three months, affecting more than 1.5 million residents in several districts.

Just last week, oily residue was found in a Bukit Mahkota manhole, which Lembaga Urus Air Selangor (LUAS) confirmed to be the source of odour pollution that forced the shutdown of the Sungai Semenyih and Bukit Tampoi water treatment plants, as well as the Bandar Bukit Mahkota sewage treatment plant, on Saturday.

Santiago said SPAN will ask local authorities in Selangor to check eateries to ensure these outlets use grease or oil traps, adding that premises which have not installed the traps must be compelled to do so.

He said this was because waste found to have been dumped was fats from kitchens.

"We will also ask local authorities to look into activities of illegal industries as well as car workshops as waste from these activities was also dumped into the manhole," he said.

Santiago also said that SPAN had lodged a police report to see whether there were elements of sabotage.

**MAJLIS PERBANDARAN AMPANG JAYA**
**BAHAGIAN PERHUBUNGAN AWAM DAN SEKRETARIAT**
MENARA MPAJ, JALAN PANDAN UTAMA,
PANDAN INDAH, SELANGOR,
55100 KUALA LUMPUR

| **KERATAN AKHBAR 24 Disember 2019 (Selasa)** | |
|---|---|
| Akhbar | Sinar Harian |
| Tajuk Berita | 17,000 penjawat awam Selangor terima baki bonus hari ini |
| Muka Surat | 30 |

SH 24/12/2019 (m/s 30)

# 17,000 penjawat awam Selangor terima baki bonus hari ini

**SHAH ALAM** - Kira-kira 17,000 penjawat awam di Selangor bakal menikmati pembayaran baki bantuan khas kewangan (BKK) hari ini.

Menteri Besar Selangor, Datuk Seri Amirudin Shari berkata, pembayaran baki bonus tahun 2019 itu seperti yang diumumkan dalam pembentangan Belanjawan Selangor 2020 pada 1 November lalu.

Menurutnya, sebelum ini kerajaan negeri memutuskan untuk mengagihkan pembayaran sehingga tiga bulan bonus kepada penjawat awam di negeri itu.

"Sukacita ingin saya maklumkan bahawa baki bonus tahun 2019 akan disalurkan esok (hari ini). Bonus sebulan gaji telah disalurkan sebelum Hari Raya Aidilfitri yang lalu. Baki antara RM500 sehingga dua bulan gaji berdasarkan penilaian KPI (Petunjuk Prestasi Utama) jabatan dan individu akan disalurkan.



AMIRUDIN

"Saya harap bantuan khas kewangan ini menjadi pendorong penjawat awam untuk terus memberi yang terbaik demi Selangor selain meneruskan sikap berintegriti dan amanah dalam menjalankan tugasan seharian," katanya menerusi kenyataan dimuat naik dalam akaun Facebooknya semalam.

**MAJLIS PERBANDARAN AMPANG JAYA**
**BAHAGIAN PERHUBUNGAN AWAM DAN SEKRETARIAT**
MENARA MPAJ, JALAN PANDAN UTAMA,
PANDAN INDAH, SELANGOR,
55100 KUALA LUMPUR

| KERATAN AKHBAR<br>24 Disember 2019 (Selasa) | |
|---|---|
| Akhbar | Sinar Harian |
| Tajuk Berita | Bekalan air Hospital Banting pulih |
| Muka Surat | 30 |

# Bekalan air Hospital Banting pulih

*Tidak dicatu lagi apabila terima bekalan air daripada LRA Labohan Dagang*

SHAH ALAM

Bekalan air di Hospital Banting, Kuala Langat berada dalam keadaan terkawal dan tidak dicatu walaupun beberapa kawasan di daerah itu terjejas susulan penutupan Loji Rawatan Air (LRA) Sungai Semenyih sejak Sabtu lepas akibat pencemaran bau.

Pengarah Kesihatan Selangor, Datuk Dr Khalid Ibrahim berkata, ia berikutan hospital berkenaan mendapat bekalan airnya daripada LRA Labohan Dagang yang telah mula beroperasi sejak Jun lepas.

"Bekalan air hanya dicatu pada hari pertama LRA Sungai Semenyih ditutup dan mulai semalam (kelmarin) bekalan air di Hospital Banting telah kembali seperti biasa dan bekalan air yang disalurkan ke tangki utama hospital masih dalam keadaan normal dan hanya Hospital Serdang sahaja dicatu penggunaan airnya," katanya ketika dihubungi di sini semalam.

**LRA SUNGAI SEMENYIH DITUTUP**

LRA Labohan Dagang fasa satu yang mula beroperasi sejak Jun lepas mampu mengeluarkan air terawat sebanyak 200 juta liter sehari untuk pengguna sekitar Kuala Langat.

LRA berkenaan yang mempunyai kolam takungan utama seluas 110 hektar juga mampu menyediakan bekalan air mentah selama 75 hari sekiranya berlaku pencemaran di sumber airnya di Sungai Langat.



DR KHALID




Bekalan air di Hospital Banting hanya dicatu sehari akibat penutupan LRA Sungai Semenyih sejak Sabtu lalu.

Kelmarin, Ketua Pengarah Kementerian Kesihatan, Datuk Dr Noor Hisham Abdullah berkata, bekalan air di Hospital Banting dan Hospital Serdang terpaksa dicatu berikutan penutupan LRA Sungai Semenyih.

Dr Noor Hisham berkata, catuan berkenaan terpaksa dilakukan bagi memastikan perkhidmatan hospital berkenaan dapat dijalankan. - *Bernama*